

**PENGARUH FAKTOR PERSONALITI,  
KEPUASAN KEHIDUPAN, BILANGAN ANAK,  
ETNIK DAN JANTINA KE ATAS POTENSI PENDERAAAN  
KANAK-KANAK**

*Chua Bee Seok\**  
*Abdul Halim Othman\**

**Pengenalan**

Penderaan kanak-kanak merupakan salah satu daripada masalah sosial yang serius dan telah berkembang menjadi satu masalah antarabangsa. Masalah ini mula dibangkitkan di negara Barat yang telah membangun, namun kini ia telah menular ke seluruh pelusuk dunia sama ada di negara membangun atau di negara sedang membangun. Masalah penderaan kanak-kanak bukan satu isu baru, malah telah muncul sejak tercatatnya sejarah.

Walaupun masalah penderaan kanak-kanak memang wujud sejak awal lagi, namun perkara ini hanya mendapat perhatian pada akhir abad yang ke-19, apabila semakin banyak kes penderaan kanak-kanak dikenalpasti dan jumlah kes yang berlaku semakin bertambah setiap tahun.

Sebenarnya kesedaran untuk memberi hak kepada kanak-kanak pun telah dilakukan oleh masyarakat antarabangsa melalui "Perisytiharan 10 Perkara Mengenai Hak Kanak-kanak", yang diumumkan dalam perhimpunan umum Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1959 dengan

- 
- *Chua Bee Seok ialah pensyarah di Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, UMS. Abdul Halim Othman ialah Profesor dan Dekan di Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, UMS*

laungan slogan "Manusia sewajarnya memberi kanak-kanak hak yang paling baik".

Ekoran daripada itu, perjuangan terhadap hak kanak-kanak terus dilakukan. Perjuangan yang paling akhir ialah apabila UNICEF memilih "*Children's Right International Protection*" sebagai tema Hari Kanak-kanak Sedunia tahun 1989. Pemilihan tema tentang kanak-kanak sedunia pada tahun 1989 jelas menunjukkan betapa kelompok generasi kecil ini berhak mendapat keperluan asas mereka.

Tetapi meskipun masyarakat antarabangsa telah pun memberi pengiktirafan hak kepada kanak-kanak, namun pada setiap tahun dianggarkan antara 60 hingga 100 ribu kanak-kanak di dunia telah menjadi mangsa penderaan orang dewasa (Hasan Baseri Budiman, 1991).

Atas kesedaran dan keprihatinan terhadap masalah penderaan kanak-kanak, banyak kajian telah dijalankan oleh pengkaji dari luar negeri mengenai fenomena terjadinya tingkah laku yang tidak berperikemanusiaan ini. Tetapi di negara Malaysia, penyelidikan tentang fenomena penderaan kanak-kanak masih kurang. Berlandaskan kenyataan ini pengkaji merasakan perlu penyelidikan ini dijalankan, memandangkan masalah penderaan kanak-kanak semakin serius dan penderaan boleh membawa kesan negatif ke atas sifat fizikal dan psikologikal kanak-kanak.

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kesan faktor personaliti, sifat demografik seperti jantina, etnik, bilangan anak serta kepuasan terhadap kehidupan ke atas potensi penderaan kanak-kanak.

### **Ulasan Kajian Lepas**

Kajian mengenai penderaan kanak-kanak telah banyak dijalankan di negara Barat. Milner, Robertson, dan Rogers (1990) dalam kajiannya ke atas pelajar universiti telah mendapati tidak terdapat korelasi yang signifikan antara potensi penderaan kanak-kanak dengan jantina, umur dan tahun pengajian. Rusell (1983) dan Wyatt (1984) pula mendapati

tidak terdapat perbezaan skor min potensi penderaan kanak-kanak di antara etnik yang berlainan. Smith, Hanson dan Noble (1974) juga mengkaji pengaruh sifat demografik ke atas penderaan kanak-kanak. Hasil kajian mereka menunjukkan keluarga yang mendera mempunyai anak yang lebih ramai berbanding dengan keluarga normal. Anna dan Helen (1987) pula telah melakukan satu kajian melihat sifat personaliti dan kecerdasan ibu bapa ke atas penderaan kanak-kanak. Hasil kajian mendapati ibu-ibu yang mendera mempunyai personaliti yang malu, takut, tidak berdisiplin, mengalami konflik sendiri dan tidak boleh mengawal perasaan diri. Dalam aspek kepuasan kehidupan pula, Bowen (1981), menunjukkan bapa tunggal yang puas hati terhadap kehidupannya akan mempunyai hubungan yang baik dengan anaknya.

## **METOD KAJIAN**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini merupakan satu kajian lapangan yang melihat kesan ciri-ciri personaliti, sifat demografik dan kepuasan kehidupan ke atas potensi penderaan kanak-kanak. Dalam kajian ini, faktor personaliti, sifat demografik seperti jantina, bilangan anak dan etnik serta kepuasan kehidupan dijadikan pembolehubah bebas dan potensi penderaan kanak-kanak dijadikan sebagai pembolehubah terikat.

### **Tempat Kajian**

Kajian ini dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor dan di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor. Pengkaji memilih UKM dan UPM sebagai tempat kajian kerana di tempat itu terdapat subjek yang sesuai untuk kajian ini.

### **Subjek Kajian**

Dalam kajian ini, sejumlah 107 orang pelajar dan kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia yang telah berumahtangga telah dipilih sebagai subjek kajian. Subjek kajian

dipilih secara rawak daripada tiga kumpulan kaum majoriti Malaysia.

### **Alat Kajian**

Alat kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada satu set soal selidik yang mengandungi empat bahagian iaitu; Bahagian A, yang terdiri daripada maklumat diri subjek. Bahagian B, terdiri daripada item-item yang terdapat dalam *Child Abuse Potential Inventory* (CAP) (Milner, 1990), Bahagian C terdiri daripada item-item yang terdapat dalam *Eysenck Personality Questionnaires* (EPQ) (Eysenck, 1968) dan Bahagian D pula, terdiri daripada item-item alat kajian *Satisfaction With Life Scale* (Skala Kepuasan Kehidupan).

### **Analisis Data**

Data dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan Pakej Komputer SPSSX (*Statistical Package For Social Science-Extra*) dan program komputer CAPSCORE. Kaedah ANOVA dua hala telah digunakan dalam menguji potensi penderaan fizikal kanak-kanak mengikut personaliti dan faktor jantina serta faktor etnik dan faktor jantina. Kaedah korelasi Pearson telah digunakan untuk melihat hubungan faktor bilangan anak dan kepuasa kehidupan terhadap potensi penderaan kanak-kanak. Di samping itu, Ujian-t digunakan untuk melihat sama ada terdapatnya perbezaan jantina dari segi potensi penderaan kanak-kanak.

**Jadual 1: ANOVA Dua Hala Daripada Kesan Faktor Personaliti dan Jantina Terhadap Potensi Penderaan Kanak-kanak**

Punca Variasi	JKD	dk	MKD	F
Faktor Personaliti	28822.55	1	28822.55	8.45*
Faktor Jantina	12378.73	1	12378.73	2.75
Interaksi (Personaliti x Jantina)	23683.19	1	23683.19	6.94*
Ralat	351400	103	3411.65	
Jumlah	420339.14	106	3965.46	

\*p < 0.05

*Pengaruh Faktor Personaliti, Kepuasan Kehidupan, Bilangan Anak, Etnik dan Jantina Ke Atas Potensi Penderaan Kanak-kanak*

Jadual 2: Skor Min Potensi Penderaan Kanak-kanak Bagi Faktor Personaliti

Punca Variasi	Min	Sisihan Piawai	Bilangan
Introvert	139.60	74.64	43
Ekstrovert	102.27	48.88	64

Jumlah kes = 107

Jadual 3: Skor Min Potensi Penderaan Kanak-kanak Daripada Personaliti dan Jantina Yang Berbeza

		Jantina	
		1 (Lelaki)	2 (Perempuan)
Personaliti	1 (Introvert)	158.79 (29)	99.85 (14)
	2 (Ekstrovert)	100.16 (32)	104.38 (32)


## KEPUTUSAN KAJIAN

Keputusan analisis ANOVA dua hala (Jadual 1, 2 dan 3), menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan bagi faktor personaliti dari segi potensi penderaan kanak-kanak ( $F_{(1, 103)} = 8.45, p < .05$ ). Oleh sebab faktor personaliti hanya terdiri daripada dua kategori sahaja iaitu ekstrovert dan introvert, maka tidak dilakukan ujian pos-hoc. Ujian nisbah F sudah memadai untuk memberi keyakinan bahawa subjek berpersonaliti introvert (min = 139.60) mempunyai potensi penderaan kanak-kanak yang lebih tinggi berbanding dengan subjek berpersonaliti ekstrovert (min = 102.27). Keputusan kajian juga menunjukkan perbezaan min potensi penderaan kanak-kanak yang tidak signifikan di antara lelaki dan perempuan ( $F_{(1, 103)} = 2.75, p > .05$ ).

Seterusnya analisis lanjutan telah dilakukan untuk melihat sama ada terdapat atau tidak kesan interaksi di antara faktor personaliti dan jantina terhadap potensi penderaan kanak-kanak. Rajah 1 menunjukkan kedua-dua faktor ini adalah berinteraksi secara signifikan iaitu ( $F_{(1, 103)} = 6.94, p < .05$ ). Kesan interaksi ini bermakna kedua-dua faktor ini memberi kesan yang berbeza terhadap potensi

penderaan kanak-kanak. Keputusan itu juga menunjukkan subjek lelaki yang berpersonaliti introvert mempunyai min potensi penderaan yang lebih tinggi daripada lelaki berpersonaliti ekstrovert. Keadaan sebaliknya bagi subjek perempuan iaitu subjek perempuan yang berpersonaliti ekstrovert mempunyai potensi penderaan kanak-kanak yang lebih tinggi berbanding subjek perempuan yang berpersonaliti introvert.

**Rajah 1: Kesan Interaksi Antara Faktor Personaliti Dan Faktor Jantina Ke Atas Potensi Penderaan Kanak-Kanak**



**Jadual 4: ANOVA Dua Hala Daripada Kesan Faktor Etnik dan Jantina Terhadap Potensi Penderaan Kanak-kanak**

Punca Variasi	JKD	dk	MKD	F
Faktor Etnik	19.77	1		0.005
Faktor Jantina	16349.49	1		4.17
Interaksi (Etnik x Jantina)	486.69	1		0.12
Ralat	403399.48	103		
Jumlah	420339.14	106		

\*P < 0.05

**Jadual 5: Skor Min Potensi Penderaan Kanak-kanak Bagi Faktor**

Punca Variasi	Min	Sisihan Piawai	Bilangan
Melayu	118.06	61.58	65
Bukan Melayu	116.05	65.79	42

Jumlah kes = 107


**EtnikJadual 6: Skor Min Potensi Penderaan Kanak-kanak Daripada Etnik dan Jantina Yang Berbeza**

		Jantina	
		1 (Lelaki)	2 (Perempuan)
Etnik	1 (Melayu)	126.35 (40)	104.80 (25)
	2 (Bukan Melayu)	131.24 (21)	100.86 (21)

Daripada Jadual 4, 5 dan 6 Keputusan analisis ANOVA dua hala menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min potensi penderaan kanak-kanak yang signifikan di antara Melayu dan bukan Melayu ( $F_{(1, 103)} = 0.005, p > .05$ ). Bagi faktor jantina bila dikaji bersama faktor etnik, keputusan menunjukkan terdapatnya perbezaan min potensi penderaan kanak-kanak yang signifikan di antara lelaki dan perempuan. Ujian nisbah F, menunjukkan lelaki (min = 103.03) mempunyai potensi penderaan kanak-kanak yang lebih tinggi daripada perempuan (min = 128.03).

Dalam mengkaji kesan interaksi, Rajah 2 menunjukkan faktor etnik dan faktor jantina ini tidak memberi kesan interaksi ke atas potensi penderaan kanak-kanak ( $F_{(1, 103)} = 0.12, p > .05$ ). Keputusan ini menunjukkan faktor etnik adalah bebas daripada faktor jantina dalam mengesani potensi penderaan kanak-kanak.

**Rajah 2: Kesan Interaksi Antara Faktor Personaliti Dan Faktor Jantina Ke Atas Potensi Penderaan Kanak-Kanak**



**Jadual 7: Perbandingan Skor Min Potensi Penderaan Kanak-kanak Bagi Lelaki dan Perempuan**

Kategori	Min	Sisihan Piawai	Bilangan	t
Lelaki	128.03	71.30	61	2.19*
Perempuan	103.00	46.88	46	

Jumlah kes = 107

Dalam kajian ini pengkaji juga menggunakan metod analisis Ujian-t untuk melihat perbezaan min antara subjek lelaki dan subjek perempuan ke atas potensi penderaan kanak-kanak. Keputusan menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan di antara lelaki dan perempuan ke atas potensi penderaan kanak-kanak ( $t = 2.19, p < .05$ ). Berdasarkan min kumpulan yang terlibat, didapati subjek lelaki mempunyai skor min potensi penderaan yang lebih tinggi (min = 128.03) berbanding dengan perempuan (min = 103.00).

Dalam melihat hubungan antara keputusan kehidupan dan bilangan anak dengan potensi penderaan kanak-kanak, metod analisis Korelasi Pearson telah digunakan. Keputusan kajian pada keseluruhannya



menunjukkan potensi penderaan kanak-kanak mempunyai hubungan secara songsang dan signifikan ( $r = -0.29, p < 0.05$ ) dengan faktor kepuasan kehidupan. Tetapi apabila hubungan itu dikaji secara berasingan bagi lelaki dan perempuan, hubungan ini hanya signifikan bagi subjek lelaki ( $r = -0.35, p < 0.05$ ) dan tidak signifikan bagi subjek perempuan ( $r = -0.21, p > 0.05$ ).

Bagi faktor bilangan anak, keputusan kajian pada keseluruhannya menunjukkan hubungan di antara kedua-dua pembolehubah itu adalah satu hubungan negatif yang sangat lemah dan tidak signifikan ( $r = -0.03, p > 0.05$ ). Apabila dilihat secara berasingan kumpulan lelaki ( $r = -0.04, p < 0.05$ ) dan perempuan ( $r = -0.01, p < 0.05$ ), keputusan juga menunjukkan hubungan antara faktor bilangan anak dan potensi penderaan kanak-kanak bagi kumpulan-kumpulan itu adalah hubungan negatif yang sangat lemah dan tidak signifikan.

## **PERBINCANGAN**

Keputusan kajian menunjukkan terdapatnya perbezaan potensi penderaan kanak-kanak di antara mereka yang berpersonaliti ekstrovert dengan mereka yang berpersonaliti introvert. Hasil kajian ini menunjukkan mereka yang berpersonaliti introvert iaitu mereka yang memperlihatkan kecenderungan untuk mengembangkan gejala-gejala memendamkan perasaan, mengelak hubungan sosial, suka menghindarkan diri, mengalami ketakutan dan kebimbangan, mudah tersinggung, apati, mudah terluka dan mempunyai perasaan rendah diri itu mempunyai potensi penderaan kanak-kanak yang lebih tinggi berbanding mereka yang berpersonaliti ekstrovert.

Dapatan kajian ini adalah selaras dengan kajian Even (1980) yang mendapati ibu yang pernah mendera mempunyai perasaan rendah diri, mengalami lebih kebimbangan dan apati jika dibandingkan dengan ibu normal. Seterusnya keputusan kajian ini juga menyokong kajian-kajian lalu yang mendapati pendera selalunya adalah suka mengasingkan diri (Spinetta, 1978; Milner dan Wimberley, 1980).

Bagi faktor etnik, keputusan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan potensi penderaan kanak-kanak di antara mereka yang berbangsa Melayu dengan bukan berbangsa Melayu. Keputusan ini menunjukkan faktor etnik tidak memainkan peranannya dalam mengesani potensi penderaan kanak-kanak. Atau dengan erti kata lain tidak kira apa jua bangsa seseorang itu, ia mempunyai potensi mendera anak.

Hasil kajian ini tidak selaras dengan kebanyakan kajian tempatan yang menunjukkan terdapatnya perbezaan di antara Melayu, Cina dan India dalam melakukan penderaan; Mohd. Sham Kasim, Haliza Mohd. Shafie; Irene Cheah, 1994. Namun demikian, kajian ini menyokong kajian Milner (1976) yang juga menunjukkan terdapatnya perbezaan dalam penderaan kanak-kanak di antara etnik yang berlainan (orang berkulit putih dan berkulit hitam).

Dapatan kajian ini juga menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan di antara lelaki dan perempuan ke atas potensi penderaan kanak-kanak, dan dapatan kajian ini menunjukkan lelaki mempunyai potensi penderaan yang lebih tinggi berbanding dengan perempuan.

Hasil kajian ini adalah selaras dengan kajian Creiston (1979) yang melakukan tinjauan ke atas mereka yang mempunyai rekod kes penderaan dan orang normal. Potensi penderaan kanak-kanak bagi lelaki adalah lebih tinggi berbanding dengan perempuan. Dapatan ini mungkin boleh diterangkan dengan sifat tipikal lelaki yang lebih agresif, suka berlawan atau bersaing dan dominan. Namun demikian, dapatan kajian ini adalah tidak sejajar dengan dapatan kajian oleh Milner et al. (1990) dan Nealer (1992), yang menunjukkan tidak terdapatnya perbezaan potensi penderaan di antara lelaki dan perempuan. Ini mungkin disebabkan peranan, tanggungjawab dan tekanan hidup yang dialami oleh perempuan dan lelaki di negara Barat adalah tidak banyak berbeza.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara bilangan anak dengan potensi penderaan kanak-kanak. Keputusan ini juga menunjukkan faktor bilangan anak tidak memainkan peranannya dalam mengesani potensi penderaan

*Pengaruh Faktor Personaliti, Kepuasan Kehidupan, Bilangan Anak, Etnik dan Jantina Ke Atas Potensi Penderaan Kanak-kanak*

seseorang individu.

Hasil kajian ini adalah sejajar dengan kajian Hunlock (1973), yang menyatakan saiz keluarga atau bilangan anak dalam sesebuah keluarga bukan merupakan faktor yang sebenarnya menyebabkan penderaan kanak-kanak. Begitu juga dengan kajian Newberger, Reed, Demel, Hyde dan Rotelchudk (1977), Staur (1982) juga tidak menunjukkan keluarga yang mendera itu mempunyai anak yang lebih ramai daripada keluarga biasa.

Namun begitu, terdapat juga kajian yang menunjukkan keluarga yang mendera kanak-kanak itu mempunyai anak yang lebih ramai jika dibandingkan dengan keluarga biasa (Altermeier, Vietz, Shemed, Sander, Falser dan O'Comnor, 1979; Smith, Hanson dan Noble, 1974; Gil, 1970; Straus, Gelles dan Steinmets, 1980).

Dalam meninjau hubungan di antara potensi penderaan kanak-kanak dengan kepuasan terhadap kehidupan, keputusan kajian ini menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan di antara kedua-dua pembolehubah itu. Keputusan ini menunjukkan mereka yang berpuas hati terhadap kehidupannya, potensi penderaan mereka adalah rendah tetapi sebaliknya jika mereka tidak berpuas hati terhadap kehidupannya akan mempunyai potensi penderaan kanak-kanak yang tinggi.

Tetapi apabila dikaji secara berasingan kedua-dua pembolehubah itu bagi lelaki dan perempuan, hubungan ini hanya signifikan pada lelaki dan tidak signifikan bagi perempuan. Ini bermakna faktor kepuasan terhadap kehidupan ini tidak memainkan peranan dalam mengesani potensi penderaan bagi perempuan. Perkara ini mungkin boleh dijelaskan dengan sifat perempuan yang selalu beremosi tinggi (Schaffex, 1981).

Keputusan kajian ini adalah selaras dengan kajian Kirkham, Schinke, Schilling, Meltzer, & Norelius (1986), yang juga menunjukkan subjek yang tidak puas hati dengan kehidupannya berkecenderungan untuk melakukan penderaan ke atas anak mereka dan sebaliknya. Bowen

(1981), juga menunjukkan bapa tunggal yang puas hati terhadap kehidupannya akan mempunyai hubungan yang baik dengan anaknya.

Apabila dikaji dari segi interaksi, hasil kajian menunjukkan terdapatnya kesan interaksi yang signifikan di antara faktor personaliti dan faktor jantina ke atas potensi penderaan kanak-kanak. Kesan interaksi ini menunjukkan kedua-dua faktor personaliti dan jantina itu memberi kesan yang berbeza terhadap potensi penderaan kanak-kanak apabila bergabung.

Dari kesan interaksi ini didapati subjek lelaki yang berpersonaliti introvert mempunyai lebih kecenderungan melakukan penderaan terhadap kanak-kanak berbanding dengan subjek lelaki yang berpersonaliti ekstrovert. Tetapi bagi subjek perempuan, mereka yang berpersonaliti ekstrovert menunjukkan potensi penderaan yang lebih tinggi berbanding dengan subjek perempuan yang berpersonaliti introvert.

Tetapi bagi kesan interaksi antara faktor etnik dan jantina, keputusan menunjukkan tidak terdapatnya kesan interaksi yang signifikan di antara kedua-dua pembolehubah itu. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesan interaksi faktor etnik dan jantina ke atas potensi penderaan kanak-kanak bagi subjek kajian adalah tidak wujud. Atau dengan erti kata lain, faktor etnik adalah bebas daripada faktor jantina dalam mengesani kecenderungan seseorang itu dalam melakukan penderaan terhadap kanak-kanak.

## **PENUTUP**

Pada keseluruhannya boleh disimpulkan bahawa faktor personaliti, jantina dan kepuasan terhadap kehidupan adalah faktor-faktor yang memberi kesan ke atas potensi penderaan kanak-kanak. Tetapi bagi faktor etnik, bilangan anak pula tidak memberi kesan ke atas potensi penderaan itu. Namun begitu, bagi faktor-faktor yang memberi kesan itu tidak boleh berdiri sendiri dalam mengenalpasti potensi penderaan seseorang individu tetapi harus dikaji bersama atau bergabung dengan

faktor lain. Dengan erti kata lain, tidak terdapat satu-satu faktor tipikal yang boleh menunjukkan seseorang itu mempunyai potensi penderaan kanak-kanak.

## BIBLIOGRAFI

- Altermeier, W.P., Reed, J., Daniel, J., Hyde, J. & Kotlchudk. (1977). Prediction of child maltreatment during pregnancy. *Journal of The American Academy of Child Psychiatry*, 18, 201-206.
- Anna, K. & Helen, A.. (1987). Intelligence and personaliti profile of battering parents in Greece: A comparative. *Child Abuse & Neglect*, 11,93-99.
- Bowen, G.L. (1987). Single mother for the defense. *Conciliation Courts Review*, 25, 13-18.
- Berita Harian*. 14 Januari 1993.
- Creighton, S.J. (1979). An Epidemiological Study of Child Abuse. *Child Abuse and Neglect*. 3, 601-605.
- United State Child Abuse Prevention Handbook*. 1982. California: California Department of Justice.
- David, F. (1988). Child abuse as an international issue. *Child Abuse & Neglect*, 12, 3-23.
- Diener, E. (1984). Subjektive well-being. *Psychology Bulletin*, 93(3), 542-575.
- Dorothy, C.H. & Jonathan, B.K..(1984). Disentangling life events, stress and sosial support implication for the primary prevention of child abuse and neglect. *Child Abuse & Neglect*, 8, 401-409.

- Evans, A.L. (1980). Personality characteristics and disciplinary attitude of child abusing mothers. *Child Abuse and Neglect*, 4, 179-187.
- Eysenck, H.J. & Sybil, B.G.E.. (1968). *Manual For The Eysenck Personality Inventory*. California: Education and Industrial Testing Service.
- Hasan Baseri Budiman. (1991). Penganiayaan Kanak-kanak: Mengapa Menjadi-jadi. *Dewan Masyarakat*, 29, 45-48.
- Holden, E.W., Willes, D.J. & Foltz, L.. (1989). Child abuse potential parenting stress: Relationship in maltreating parents. *Psychological Assessment*, 1(10), 64-67.
- Hurlock, E.B. (1973). *Adolescent Development*. MC Green Hill, Inc.
- Kempe, R.S & Kempe, C.H.. (1978). *Child Abuse*. Cambridge: Ballenger Publishing Company.
- Kirkham, M.A., Schinke, S.R., Schilling, R.E., Meltzer, N.J. & Norelius, K.L.. (1986). Cognitive-behavior skills, social supports and child abuse potential among mother of handicapped children. *Journal of Family Violence*. 1, 235-245.
- Laporan Seminar Penderaan dan Penganiayaan Kanak-kanak 11 dan 12 Januari 1986, Petaling Jaya, Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia, Kementerian Kebajikan Masyarakat Malaysia.
- Milner, J.S. (1986). *The Child Abuse Potential Inventory Manual*. Webster, NC: Psytec.
- Milner, J.S. (1990). *The Child Abuse Potential Inventory Manual*. Webster. NC: Psytec.
- Milner, J.S., Robertson, K.R., & Rogers, D.C. (1990). *Childhood*

Pengaruh Faktor Personaliti, Kepuasan Kehidupan, Bilangan Anak, Etnik dan Jantina Ke Atas Potensi Penderaan Kanak-kanak

history of abuse and adult child abuse potential. *Journal of Family Violence*, 5, 15-34.

Milner, J.S. & Wimberley, R.C. (1980). Prediction and explanation of child abuse. *Journal of Clinical Psychology*, 36, 875-884.

Mohd. Sham Kassim, Haliza Mohd. Shafie dan Irene Cheah (1994). Social Factors in relation to physical abuse in Kuala Lumpur, Malaysia. *Child Abuse and Neglect*, 18, 401-407.

Mollerstrom, W.W., Patchner, M.A. & Milner, J.S.. (1992). Family functioning and child abuse potential. *Journal of Clinical Psychology*, 48(4), 445-454.

Newberger, E.R., Reed, J. Daniel, J., Hyde, J. & Kotlchudk. (1977). Pediatric social illness toward an etiologication. *Pediatrics*, 6, 178-185.

Pruitt, D.L. (1983). A predictive model of child abuse: A preliminary investigation (Doctorial dissertation, Birginia Commonwealth University). *Dissertation Abstracts International*, 44, 3206B.

Schaffer, K.F.(1981). *Sex Roles and Human Behavior*. Cambridge: Winthrop Publishers. Inc.

Smith, S.R., Hanson, & Noble, S. (1974). Social aspects of the battered baby syndrom. *British Journal of Psychiatry*, 125, 568-582.

Spinetta, J.J. (1978). Parental personality factors in child abuse. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 46, 1409-1414.

Straus, Murray, R., Gelles., & Steinmets, S. (1980). *Behind Closed Doors: Violence In The American Family*. New York: Doubleday Ancho Press.